

Kadar inflasi yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 1994=100) menunjukkan arah aliran peningkatan yang ketara sejak awal tahun 1998, berikutan dengan kejatuhan nilai ringgit sejak pertengahan 1997. Sebelum krisis ekonomi, peningkatan IHP menunjukkan arah aliran menurun sejak 1996. Walau bagaimanapun, sejak krisis kewangan berlaku IHP mencatatkan peningkatan. Dengan itu, sejak Januari 1998, IHP meningkat 3.4% berbanding dengan peningkatan sederhana 2.7% dalam tahun 1997, iaitu kadar inflasi terendah sejak 1990. Dalam tempoh suku pertama 1998, kesan kejatuhan nilai ringgit ke atas kadar inflasi menjadi lebih jelas, di mana IHP meningkat pada kadar purata 4% berbanding dengan 3% dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Penyusutan nilai matawang juga memberi kesan kepada Indeks Harga Pengeluar (IHPG, 1989=100). IHPG bagi suku keempat 1997 meningkat sebanyak 7.2% berbanding dengan 1% bagi suku ketiga dan -0.5% bagi suku kedua 1997. Bagi lapan bulan pertama tahun 1998, IHPG meningkat ketara pada kadar 13.5% berbanding dengan hanya 0.9% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Manakala peningkatan paras IHPG bagi barangan keluaran tempatan lebih tinggi pada 14.1%, IHPG bagi barangan import lebih rendah pada 11.0% bagi tempoh yang sama tahun 1998. Secara keseluruhan, adalah dijangkakan IHPG akan meningkat pada kadar 13% bagi 1998, hampir lima kali ganda lebih tinggi berbanding dengan 2.7% yang dicatatkan dalam tahun 1997.

Peningkatan IHP juga dapat dilihat dalam semua kumpulan pendapatan dan kawasan. Dari segi kumpulan pendapatan, purata IHP bagi Januari hingga Ogos 1998, telah meningkat pada kadar 6.0% bagi kumpulan berpendapatan RM1,000 ke bawah dan 5.7% bagi kumpulan berpendapatan RM1,500 ke bawah. Bagi peringkat kawasan pula,

IHP bagi Kuala Lumpur meningkat sebanyak 5.9% bagi tempoh Januari hingga Ogos 1998, Kota Kinabalu 4.2% dan Kuching 6.2%.

Mencerminkan kelembapan aktiviti ekonomi, keadaan gunatenaga merosot dalam tahun 1998. Dengan langkah penghantaran pulang buruh asing, tenaga buruh dijangka merosot sebanyak 0.4% kepada 9.01 juta pada akhir 1998 (1997: 2.8%). Kadar pengangguran walau bagaimanapun, dijangka meningkat daripada 2.6% dalam 1997 kepada 4.9% pada akhir 1998. Jumlah gunatenaga dijangka merosot sebanyak 2.7% bagi tahun ini, berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.6% dalam 1997. Industri pembinaan, yang merupakan 8.8% daripada jumlah gunatenaga dan menerima kesan ketara daripada krisis ekonomi, dijangka mengalami kemerosotan tertinggi (13.4%) pada tahun 1998 (1997: +9%). Pada 5 September, 1998 seramai 59,970 pekerja telah diberhentikan, dengan pekerja-pekerja di sektor pembuatan merupakan 54.5% daripada jumlah tersebut. Dengan keadaan pasaran buruh yang ketat dalam sektor perladangan dan sebahagian daripada sektor kecil pembuatan, sebahagian besar daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan tersebut telah diserap oleh kedua-dua sektor ini. Di samping itu, langkah-langkah yang diambil terutamanya oleh Kementerian Sumber Manusia seperti latihan, telah memudahkan pergerakan pekerja ke sektor-sektor lain terutama dengan adanya peningkatan kemahiran. Tekanan ke atas upah berkurangan dalam 1998, dengan kadar upah dalam perjanjian bersama dijangka meningkat pada purata 10% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini berbanding 13.1% dalam 1997. Sektor pembuatan yang mempunyai bilangan perjanjian bersama terbesar, iaitu berjumlah 53% daripada keseluruhan perjanjian bersama yang telah dipersetujui, mencatatkan peningkatan kadar purata upah yang lebih perlahan iaitu 8.4% berbanding 15% dalam 1997.

## Harga

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 1998, IHP telah meningkat sebanyak 5.2%, peningkatan dua kali ganda daripada 2.6% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Dengan kesan ketara kejatuhan nilai ringgit, peningkatan IHP sepatutnya adalah lebih tinggi, sekiranya tidak disebabkan oleh kesan daripada inflasi luar yang lebih rendah dan langkah kewangan ketat serta fiskal berhemat yang telah diambil. Dasar kewangan ketat, terutamanya penguncupan kredit, telah dapat menyekat pertumbuhan berlebihan permintaan dalam negeri. Pada masa yang sama, dasar fiskal berhemat dalam operasi perbelanjaan Kerajaan telah juga berjaya menyekat tekanan permintaan. Langkah pentadbiran pula telah memberi tumpuan kepada usaha peningkatan bekalan makanan.

Strategi seperti meningkatkan pengeluaran makanan dan menggunakan lebih barangan keluaran tempatan, mengeluarkan barangan dalam negeri dan mendapatkan sumber alternatif yang lebih murah telah dilaksanakan melalui 15 program jangka pendek, sederhana dan panjang. Ini termasuklah mempertingkatkan serta menambah bilangan pasar tani, bilik sejuk dan keberkesanan sistem pemasaran dan pengagihan. Kerajaan juga terus melaksanakan langkah melonggarkan syarat pengimportan makanan, terutama daging, ayam dan sayur-sayuran. Sebagai langkah tambahan, duti import dan cukai jualan telah dimansuhkan atau dikurangkan bagi beberapa barangan seperti ikan dalam tin, barangan keluaran kertas dan semua jenis kertas cetak bagi mengurangkan kos percetakan, terutama bagi barangan yang digunakan di sekolah-sekolah.

Pada 7 Oktober 1997, Harga Runcit Disyorkan (RRP) telah dilancarkan. RRP ialah harga runcit yang dicadangkan oleh pengeluar. Pengeluar boleh mengubah harga apabila kos pengeluaran meningkat tetapi mereka perlu memaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Ini adalah bagi memastikan keberkesanan pengawasan perubahan harga. Selain daripada memberi maklumat harga kepada pengguna, RRP juga bertujuan untuk membendung pengambilan untung berlebihan dan amalan perniagaan yang tidak beretika. Pengawalan harga terhadap 75 barangan asas bagi kumpulan berpendapatan rendah akan terus dilaksanakan.

Berhubung dengan sektor makanan, pelaburan swasta dalam sektor tersebut semakin merosot daripada 6.9% dalam tahun 1990 kepada 3.2% dalam tahun 1997. Keadaan cuaca, serangga perosak, penyakit dan sifat semula jadi tumbuhan yang mudah rosak merupakan sebahagian daripada risiko yang wujud dalam pengeluaran makanan. Kekurangan tanah dan kekangan buruh juga telah menghalang pertumbuhan sektor ini. Kerajaan dengan itu, telah meneruskan penekanan ke atas usaha-usaha menangani kekangan bekalan makanan. Menyedari bahawa pembiayaan merupakan satu daripada isu utama yang menghalang aktiviti pengeluaran makanan, peruntukan bagi Tabung Makanan (3F) telah ditambah sebanyak dua kali dalam tahun 1997, menjadikannya berjumlah RM1 bilion daripada peruntukan asal RM600 juta. Daripada jumlah tersebut, RM300 juta diperuntukkan bagi petani-petani kecil di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan. Sehingga 31 Ogos 1998, sejumlah RM382 juta telah dikeluarkan kepada 1,318 pemohon, di mana lebih separuh atau 56% daripada jumlah yang dikeluarkan telah disalurkan bagi membiayai projek-projek ternakan haiwan. Bagi menarik lebih ramai peserta, dalam bulan Mac 1998, Kerajaan telah memperluaskan bidang aktiviti di bawah pembiayaan Tabung dengan memasukkan usaha-usaha pengeluaran beras, ternakan kasawari, arnab, puyuh dan rusa.

Pengimport tempatan telah digalakkan supaya mengimport bahan makanan daripada sumber lebih murah dan pada masa yang sama rakyat digalakkan untuk menanam sayuran untuk keperluan sendiri. Dengan langkah-langkah ini, import makanan telah dapat dikurangkan sebanyak 33% daripada AS\$2.46 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1997 kepada AS\$1.65 bilion dalam tempoh yang sama tahun ini. Terdapat penurunan ketara dalam jumlah import bagi buah-buahan tropika yang merosot sebanyak 96%, diikuti oleh ikan segar (33.7%), daging (18.2%), kacang soya (18.4%), gula (12.4%) dan ternakan (10%). Hasil daripada kempen di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran, pada akhir Julai dan Ogos 1998 terdapat bekalan sayuran berlebihan dalam negara. Sehubungan itu, harga sayur-sayuran turun sebanyak 50% hingga 60% dalam tempoh tersebut.

Peningkatan harga barangan makanan masih menjadi penyumbang utama kepada peningkatan IHP dalam tempoh sembilan bulan pertama 1998. Indeks makanan (yang merupakan satu pertiga daripada bakul IHP) meningkat ketara sebanyak 8.9%, berbanding dengan 4.3% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi yang dicatatkan dalam kedua-dua indeks kecil makanan di rumah dan makanan di luar rumah. Indeks makanan di rumah meningkat ketara sebanyak 9.2% (3.6% dalam tempoh Januari-September 1997), manakala indeks makanan di luar rumah meningkat sebanyak 8.1% (5.9% dalam tempoh Januari-September 1997). Dari segi harga barangan makanan secara individu, indeks kecil buah-buahan dan sayur-sayuran serta gula meningkat sebanyak 15.1% dan 18.7% setiap satu, peningkatan yang ketara tinggi berbanding dengan kadar 1.5% dan 0.3% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Bagi barangan bukan makanan, indeks kecil bagi komponen pelbagai barang dan perkhidmatan, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan serta sewa kasar, bahanapi dan kuasa, mencatatkan pertumbuhan tinggi 7.3%, 6.0% dan 4.5% berbanding dengan 4.0%, 3.6% dan 3.1% dalam tahun 1997.


Pada awal tahun 1998, harga bagi beberapa barangan yang dikawal seperti tepung, gula, susu pekat dan ayam telah meningkat. Harga gula meningkat sebanyak 21% kepada RM1.45 sekg. daripada RM1.20 sekg. bermula bulan Februari 1998. Bagi memenuhi permintaan yang dijangka meningkat sebanyak 95,000 tan sebulan bagi tempoh perayaan, pengeluaran gula telah ditingkatkan kepada maksimum 102,000 tan bagi bulan tersebut, mengatasi purata keperluan bulanan sebanyak 80,000 tan. Harga ayam juga telah meningkat sebanyak 10% daripada RM4.90 sekg. pada 12 Februari 1998 kepada RM5.40 sekg. dalam bulan Mac 1998. Harganya telah mula turun sejak tarikh tersebut, namun tetap tinggi berbanding dengan RM4.00 sekg. yang dicatatkan dalam bulan Julai 1997. Peningkatan harga ayam adalah disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai ringgit yang menyebabkan peningkatan kos pengeluaran kerana lebih daripada 80% makanan ayam adalah diimport. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menghasilkan makanan ayam dalam negeri. Satu formula makanan ayam yang menggunakan sumber-sumber tempatan seperti sekam padi, ubi, isirong sawit, air gula, minyak sawit, pecahan beras, isi kelapa dan sagu sedang dikaji.

**Jadual 7.1**  
**Malaysia: Indeks Harga Pengguna**  
**(1994 = 100)**

|                                                              |                | <i>Perubahan Tahunan<br/>(%)<br/>(Januari-September)</i> |             |             |
|--------------------------------------------------------------|----------------|----------------------------------------------------------|-------------|-------------|
|                                                              | <i>Wajaran</i> | <i>1997</i>                                              | <i>1997</i> | <i>1998</i> |
| <b>Keseluruhan</b>                                           | <b>100.0</b>   | <b>2.7</b>                                               | <b>2.6</b>  | <b>5.2</b>  |
| Makanan                                                      | 34.9           | 4.1                                                      | 4.3         | 8.9         |
| Minuman dan tembakau                                         | 3.6            | 1.3                                                      | 1.1         | 2.8         |
| Pakaian dan kasut                                            | 3.6            | -0.5                                                     | -0.6        | 0.7         |
| Sewa kasar, bahanapi dan kuasa                               | 21.1           | 3.2                                                      | 3.1         | 4.5         |
| Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah | 5.6            | 0.1                                                      | 0.0         | 3.7         |
| Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan                 | 1.9            | 3.6                                                      | 3.6         | 6.0         |
| Pengangkutan dan perhubungan                                 | 17.9           | 0.6                                                      | 0.6         | 0.0         |
| Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan     | 5.8            | 0.4                                                      | 0.3         | 2.9         |
| Pelbagai barang dan perkhidmatan                             | 5.6            | 4.6                                                      | 4.0         | 7.3         |
| <b>Semenanjung Malaysia</b>                                  | <b>100</b>     | <b>2.8</b>                                               | <b>2.8</b>  | <b>5.4</b>  |
| <b>Sabah</b>                                                 | <b>100</b>     | <b>2.0</b>                                               | <b>2.1</b>  | <b>4.1</b>  |
| <b>Sarawak</b>                                               | <b>100</b>     | <b>1.7</b>                                               | <b>1.4</b>  | <b>4.3</b>  |

*Sumber:* Jabatan Perangkaan

Carta 7.1  
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)  
(perubahan tahunan)



Makanan asas lain yang juga telah menunjukkan peningkatan harga ialah tepung gandum dan susu pekat penuh krim. Dalam bulan Julai 1998, harga tepung gandum meningkat sebanyak 33% kepada RM1.60 sekg. daripada RM1.20 sekg. manakala harga bagi susu pekat penuh krim meningkat kepada RM1.75 setin 397 gm daripada RM1.65 setin. Begitu juga, dalam bulan Mei 1998, harga beras tempatan dan yang diimport telah meningkat sebanyak 21% dan 52%, disebabkan kemerosotan dalam pengeluaran berpunca daripada fenomena cuaca El-Nino. Import beras meningkat sebanyak 13.5% kepada 209,000 tan di antara Januari dan Jun tahun ini bagi mengatasi bekalan yang berkurangan.

Langkah penguatkuasaan yang lebih ketat serta pemeriksaan harga oleh pihak berkuasa terus dijalankan bagi memastikan terdapat bekalan barangan yang berterusan. Pada masa ini, sebagai tambahan kepada sejumlah 21 barangan yang diklasifikasikan sebagai barangan kawalan, sebanyak 25 barangan lagi telah juga dimasukkan

Jadual 7.2

Malaysia: Indeks Harga Pengguna Makanan  
(1994 = 100)

|                               |             | Perubahan Tahunan (%)<br>(Januari-September) |            |            |
|-------------------------------|-------------|----------------------------------------------|------------|------------|
|                               | Wajaran     | 1997                                         | 1997       | 1998       |
| <b>Keseluruhan</b>            | <b>34.9</b> | <b>4.1</b>                                   | <b>4.3</b> | <b>8.9</b> |
| Makanan di rumah              | 25.1        | 3.7                                          | 3.6        | 9.2        |
| Beras, roti dan bijirin lain  | 5.5         | 3.6                                          | 4.5        | 5.9        |
| Daging                        | 3.8         | 3.4                                          | 3.7        | 8.7        |
| Ikan                          | 4.9         | 7.2                                          | 7.0        | 9.3        |
| Susu dan telur                | 2.3         | 1.6                                          | 2.4        | 4.4        |
| Minyak dan lemak              | 0.7         | -0.7                                         | -1.9       | 5.6        |
| Buah-buahan dan sayur-sayuran | 5.4         | 2.6                                          | 1.5        | 15.1       |
| Gula                          | 0.6         | 0.3                                          | 0.3        | 18.7       |
| Kopi dan teh                  | 0.8         | 0.8                                          | 0.7        | 9.3        |
| Makanan lain                  | 1.1         | 0.7                                          | 1.1        | 3.7        |
| Makanan di luar rumah         | 9.8         | 5.3                                          | 5.9        | 8.1        |

Sumber: Jabatan Perangkaan


di bawah kategori barangan kawalan dalam tempoh musim perayaan. Barangan kawalan ini merupakan 10.5% daripada jumlah wajaran IHP. KPDNHEP juga sedang mengawasi harga bagi 231 barangan asas setiap minggu.

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang digubal oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam bulan Julai 1998, mencadangkan beberapa langkah dan strategi untuk menyemak semula dasar terhadap kawalan harga. Ini termasuklah mengenakan cukai ke atas barangan kawalan yang dibawa ke luar negeri. MTEN juga menyarankan supaya Indeks Harga Rumah

Malaysia dikeluarkan secara berkala setiap suku tahun atau sekurang-kurangnya dua kali setahun. Ia juga menyarankan supaya pengeluaran-pengeluaran Malaysia memberi keutamaan dalam menggunakan bahan mentah tempatan. Bagi melengkapi usaha untuk membendung inflasi, pengguna dan persatuan-persatuan pengguna digalakkan untuk melaporkan amalan tidak beretika dan penyalahgunaan kuasa oleh peniaga-peniaga. Beberapa langkah tambahan telah juga dicadangkan seperti memilih sumber import makanan daripada negara-negara ASEAN, mewujudkan satu pusat maklumat bagi kegunaan awam mengenai pertanian, termasuk maklumat mengenai khidmat perkembangan dan bantuan teknikal, menambahkan tempat-tempat pemasaran barangan mudah rosak, termasuk mengadakan kawasan tetap bagi pasar tani dan menggalakkan pasaraya membenarkan pengeluaran makanan skala kecil dan sederhana memasarkan barangan keluaran mereka pada harga yang berpatutan. Negara-negara seperti Myanmar, Vietnam, Thailand dan Indonesia telah dikenalpasti sebagai sumber alternatif bagi bekalan beras, ikan, kambing, lembu, jagung dan bawang merah.

IHP bagi Sabah meningkat sebanyak 4.1% bagi tempoh Januari hingga September 1998 juga disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam harga makanan iaitu meningkat sebanyak 8.7%. Komponen-komponen lain yang mencatatkan peningkatan harga ialah perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan (5.7%) dan pelbagai barang dan perkhidmatan (4.1%). Sebaliknya, perubahan harga bagi komponen pengangkutan dan perhubungan merosot sebanyak 0.3%. Peningkatan IHP bagi Sarawak dalam tempoh tersebut juga tinggi pada kadar 4.3% (Januari-September 1997: 1.4%) berpunca daripada peningkatan harga makanan (7.7%), pelbagai barang dan perkhidmatan (7.7%), perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan (4.3%) serta perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah (4.0%).

Bagi pengeluaran, IHPG meningkat ketara sebanyak 13.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 1998 (Januari hingga Ogos 1997: 0.9%). Peningkatan tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan indeks harga yang belum pernah tercatat sebelum ini iaitu sebanyak 77.4% bagi



minyak dan lemak sayuran dan binatang, berbanding dengan 4.5% bagi Januari hingga Ogos 1997. Peningkatan ketara juga dicatatkan oleh makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan, 9.8% (1997: 1.6%) dan alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan, 7.8% (1997: 2.0%).

Secara terperinci, peningkatan dalam IHPG bagi keluaran tempatan adalah lebih tinggi pada 14.1% bagi tempoh yang sama tahun 1998 (Januari-Ogos 1997: 0.8%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan 78.3% dalam indeks bagi minyak dan lemak sayuran dan binatang, 23.2% bagi alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan dan 17.9% bagi pelbagai barang keluaran kilang. IHPG bagi import juga menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 11.0% (Januari-Ogos 1997: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan 16.4% dalam kos makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan dan 16.8% dalam kos pengeluaran alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (rujuk Jadual 7.3).

**Jadual 7.3****Malaysia: Indeks Harga Pengeluar  
(1989 = 100)**

*Perubahan Tahunan  
(%)  
(Januari-Ogos)*

|                                                   | Wajaran      | 1997       | 1997       | 1998        |
|---------------------------------------------------|--------------|------------|------------|-------------|
| <b>Ekonomi tempatan</b>                           | <b>100.0</b> | <b>2.7</b> | <b>0.9</b> | <b>13.5</b> |
| Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan     | 14.9         | 2.3        | 1.6        | 9.8         |
| Minuman dan tembakau                              | 2.1          | 0.1        | 0.0        | 0.1         |
| Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahanapi | 18.0         | -4.9       | -6.1       | 3.5         |
| Minyak galian dan pelincir                        | 18.8         | 7.0        | 6.8        | 2.7         |
| Minyak dan lelemak binatang dan sayur-sayuran     | 8.5          | 12.9       | 4.5        | 77.4        |
| Kimia dan keluaran kimia                          | 4.4          | 1.2        | 0.2        | 5.8         |
| Barangan perkilangan dijeniskan mengikut bahan    | 10.8         | 0.1        | -0.8       | 6.0         |
| Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan         | 18.3         | 3.4        | 2.0        | 7.8         |
| Pelbagai barangan keluaran perkilangan            | 3.6          | -1.2       | -1.7       | 5.1         |
| Pelbagai perniagaan dan barangan tidak dikelaskan | 0.6          | -0.5       | -0.6       | 2.2         |
| <b>Pengeluaran tempatan</b>                       | <b>79.3</b>  | <b>2.5</b> | <b>0.8</b> | <b>14.1</b> |
| <b>Import</b>                                     | <b>20.7</b>  | <b>2.8</b> | <b>1.5</b> | <b>11.0</b> |

*Sumber:* Jabatan Perangkaan

Berhubung dengan kawalan harga, empat permohonan diterima oleh Jawatankuasa Penilaian Harga KPDNHEP dalam tahun 1997 untuk meningkatkan harga tepung, gula, susu pekat dan minyak masak. Bilangan ini telah berkurangan dalam tahun 1998 di mana sehingga Ogos, hanya terdapat dua permohonan yang diterima, iaitu permohonan untuk meningkatkan harga roti dan susu pekat. Dengan penyusutan nilai ringgit, Unit Penguatkuasaan KPDNHEP sentiasa menjalankan pengawasan rapi bagi mengelakkan penjual dan pengeluar mengambil kesempatan daripada keadaan ini. Sehingga Jun 1998, KPDNHEP telah menjalankan sejumlah 255,202 pemeriksaan dan mengambil tindakan ke atas 2,770 penjual.

Kerajaan telah melancarkan kempen 'Beli Barangan Malaysia'. Sehubungan itu, beberapa penjual telah menurunkan harga barangan import sebagai usaha untuk bersaing dengan barangan keluaran tempatan. Kempen ini telah juga berjaya menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia untuk membeli barangan tempatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk membantu negara memulihkan masalah ekonomi. Satu jawatankuasa teknikal bersama di antara KPDNHEP, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pertanian telah ditubuhkan untuk mengkaji strategi bagi menggalakkan penggunaan barangan tempatan. Satu senarai telah disediakan bagi mengenalpasti barangan import yang sering digunakan oleh pengguna. Berdasarkan senarai tersebut, Jawatankuasa teknikal akan mengenalpasti barangan keluaran tempatan yang sama sebagai pilihan alternatif kepada pengguna.

## Gunatenaga


Mencerminkan kelembapan aktiviti ekonomi dalam negeri, jumlah gunatenaga merosot dalam tahun 1998. Jangkaan terkini menunjukkan jumlah gunatenaga merosot sebanyak 2.7% kepada 8.56 juta pekerja pada akhir 1998, daripada 8.81 juta pekerja dalam tahun 1997. Berikutan daripada penghantaran pulang pekerja-pekerja asing sejak awal 1998, tenaga buruh dijangka merosot sebanyak 0.4% kepada 9.01 juta pada akhir tahun ini. Kadar pengangguran dijangka meningkat ketara daripada 2.6% dari tenaga buruh dalam tahun 1997 kepada 4.9% atau 443,200 orang dalam tahun 1998. Bilangan pencari kerja berdaftar meningkat kepada 34,514 orang pada akhir Julai

1998 daripada 23,760 orang pada awal tahun ini, mencerminkan keadaan pasaran buruh yang longgar berbanding dengan tahun lepas.

Kemerosotan jumlah gunatenaga dalam tahun ini adalah disebabkan oleh kelembapan aktiviti dalam hampir kesemua sektor kecuali beberapa sektor kecil pembuatan dan sektor perladangan. Kegawatan ekonomi juga telah mendorong syarikat-syarikat untuk mengurangkan kos melalui pengecilan organisasi. Aktiviti yang lembap di sektor pembinaan dalam tahun 1998 telah menyebabkan kemerosotan sebanyak 13% dalam gunatenaga di sektor tersebut, mengurangkan sumbangannya dalam jumlah gunatenaga kepada 8.8% (1997: 9.9%). Begitu juga gunatenaga di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan yang merupakan 16.5% daripada keseluruhan gunatenaga dalam tahun 1998, dijangka merosot sebanyak 6%, berikutan pemberhentian pekerja-pekerja asing oleh sesetengah syarikat perladangan. Pemberhentian pekerja juga menyumbang kepada penurunan 3% (1997: +8.0%) dalam gunatenaga di sektor pembuatan. Kajian Tahunan Ke atas Syarikat-syarikat oleh BNM dalam sektor pembuatan menunjukkan bahawa pengambilan pekerja asing dalam sektor tersebut telah merosot sebanyak 7.5% dalam tahun 1997. Ini adalah sejajar dengan usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan untuk membendung pengambilan buruh asing melalui beberapa langkah terutamanya menyekat kelulusan permit masuk yang baru kepada pekerja asing dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan perladangan sejak 10 Julai 1996. Dalam bulan Ogos 1997, langkah tersebut telah diperluaskan merangkumi pembekuan pengambilan pekerja asing dalam semua sektor.

Berasaskan sektor, gunatenaga dalam sektor pembuatan dijangka merupakan bahagian terbesar atau 27% daripada jumlah keseluruhan gunatenaga, manakala sektor perlombongan kekal sebagai sektor terkecil dengan hanya 0.5% daripada jumlah gunatenaga. Dari segi klasifikasi yang lebih meluas, sektor ketiga dijangka merupakan 47.1% daripada jumlah keseluruhan gunatenaga, manakala sektor pertama mempunyai bahagian terkecil iaitu 17%. Ini adalah disebabkan kemerosotan dalam pewujudan pekerjaan baru di sektor pertama terutamanya sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Jumlah gunatenaga dalam sektor pertama dijangka merosot sebanyak 5% daripada 1.53 juta pekerja yang dicatatkan

Carta 7.3  
Petunjuk-Petunjuk Gunatenaga



Sumber: UPE

**Jadual 7.4****Malaysia: Gunatenaga Mengikut Sektor (1997-1998)**

|                                                   | 1997           |             | 1998 <sup>1</sup> |             |
|---------------------------------------------------|----------------|-------------|-------------------|-------------|
|                                                   | ('000)         | (%)         | ('000)            | (%)         |
| Pertanian, perhutanan dan perikanan               | 1,494.5        | 17.0        | 1,414.2           | 16.5        |
| Perlombongan                                      | 38.8           | 0.4         | 38.6              | 0.5         |
| Pembuatan                                         | 2,390.5        | 27.1        | 2,321.1           | 27.1        |
| Pembinaan                                         | 874.2          | 9.9         | 756.6             | 8.8         |
| Elektrik, gas dan air                             | 75.8           | 0.9         | 78.5              | 0.9         |
| Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran | 1,447.3        | 16.4        | 1,441.2           | 16.8        |
| Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan       | 405.8          | 4.6         | 415.9             | 4.9         |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan         | 436.2          | 5.0         | 441.9             | 5.2         |
| Perkhidmatan Kerajaan                             | 873.2          | 9.9         | 875.0             | 10.2        |
| Perkhidmatan lain                                 | 768.8          | 8.7         | 780.3             | 9.1         |
| <b>Sektor Pertama</b>                             | <b>1,533.3</b> | <b>17.4</b> | <b>1,452.8</b>    | <b>17.0</b> |
| <b>Sektor Kedua</b>                               | <b>3,264.7</b> | <b>37.1</b> | <b>3,077.7</b>    | <b>35.9</b> |
| <b>Sektor Ketiga</b>                              | <b>4,007</b>   | <b>45.5</b> | <b>4,032.8</b>    | <b>47.1</b> |
| <b>JUMLAH</b>                                     | <b>8,805.1</b> | <b>100</b>  | <b>8,563.3</b>    | <b>100</b>  |

<sup>1</sup> Jangkaan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Sehingga akhir 1998, Kerajaan dijangka mempunyai 875,000 pekerja atau 10% daripada jumlah keseluruhan gunatenaga.

Bagi tempoh Januari-Julai 1998, sejumlah 34,514 orang atau peningkatan sebanyak 48% (Januari-Julai 1997: 23,321), didaftarkan sebagai pencari kerja aktif di bawah Jabatan Tenaga Rakyat. Peningkatan ini dicatatkan di hampir kesemua negeri dengan Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Selangor mencatatkan kadar tertinggi sebanyak 192.6%, 98.3% dan 91.1%. Walaupun bilangan pencari kerja bagi kerja-kerja pengeluaran dan berkaitan telah meningkat sebanyak 57%, namun dari segi bahagiannya kepada jumlah keseluruhan telah merosot kepada 28.2% (1997: 31.5%), mencerminkan pengangguran yang tinggi dalam sektor ini. Sebaliknya, pekerjaan di sektor pertama seperti pekerja-pekerja perhutanan, nelayan dan penternak serta pemburu, masih tetap tidak diminati oleh pencari-pencari pekerjaan, di mana hanya 97 pekerja atau 0.3% yang mendaftar bagi pekerjaan tersebut, walaupun terdapat 38,000 kekosongan dalam tahun 1998 sebagaimana yang dilaporkan oleh Pertubuhan Pengeluar Pertanian Malaysia.

Kumpulan terbesar pendaftar aktif dengan Jabatan Tenaga Rakyat ialah belia berumur di antara 20-24 tahun. Pada akhir bulan Julai 1998, pendaftar aktif di bawah kategori ini telah meningkat kepada 16,456 atau 48% daripada keseluruhan berbanding dengan 44.8% pada akhir Disember 1997. Peningkatan ketara pada akhir Jun adalah disebabkan oleh graduan daripada institusi pengajian tinggi mula memasuki pasaran buruh. Lulusan sekolah berumur di antara 15-19 tahun merupakan hampir 22% daripada pencari pekerjaan dalam bulan Julai 1998. Sementara pendaftar aktif berumur di antara 25-29 tahun pula meningkat sederhana kepada 2.6% pada akhir Julai 1998 berbanding dengan 1.5% dalam tahun 1997. Dari segi jantina, bilangan pencari kerja adalah terbahagi hampir sama banyak di antara lelaki (52%) dan perempuan (48%) pada Julai 1998. Kebanyakan pencari pekerjaan (53.7%) adalah pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bilangan pemegang Sijil Rendah Pelajaran atau Penilaian Menengah Rendah telah merosot daripada 35.9% dalam bulan Disember 1996 kepada 30.4% dalam Disember 1997 dan pada Julai 1998, bilangannya semakin merosot kepada 26% daripada jumlah keseluruhan. Ini disebabkan oleh syarat kelayakan minimum di pasaran buruh pada masa ini ialah sekurang-

dalam tahun 1997 kepada 1.45 juta pekerja dalam tahun 1998. Dasar perbelanjaan berhemat yang diteruskan oleh Kerajaan telah membendung pertumbuhan gunatenaga dalam sektor awam.

kurangnya peringkat SPM. Sementara itu, pemegang STP/Diploma/Ijazah telah meningkat kepada 19% dalam bulan Julai 1998 berbanding 17.3% pada bulan Disember 1997. Ini menunjukkan bahawa saingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam keadaan ekonomi semasa adalah ketat.

Dari segi kekosongan pekerjaan, sejumlah 46,202 kekosongan dilaporkan sepanjang tempoh Januari hingga Julai 1998, berbanding dengan 64,463 kekosongan yang dilaporkan pada akhir 1997, dengan peningkatan dicatatkan dalam hampir kesemua tiga sektor utama, iaitu pembuatan,

pertanian, perhutanan dan perikanan serta perkhidmatan perniagaan. Kekosongan dalam sektor pembuatan meningkat sebanyak 60% kepada 30,931 (1997: 19,374 kekosongan) merupakan hampir 67% daripada keseluruhan kekosongan dalam tempoh tersebut. Pada peringkat kawasan, hampir kesemua negeri melaporkan kekosongan, dengan Pulau Pinang mencatatkan peningkatan tertinggi (158.5%) diikuti oleh Melaka (128.8%) dan Johor (104.3%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998. Sebaliknya, Perlis melaporkan kekosongan terendah iaitu 229, penurunan sebanyak 40.7% daripada 386

**Jadual 7.5**

**Malaysia: Perbandingan Di Antara Pendaftar Aktif dan Kekosongan Baru Mengikut Negeri**

|                     | <i>Pendaftar Aktif</i> |                                   |                          | <i>Kekosongan Baru</i>    |                                       |                          |
|---------------------|------------------------|-----------------------------------|--------------------------|---------------------------|---------------------------------------|--------------------------|
|                     | <i>Julai<br/>1997</i>  | <i>Julai<sup>1</sup><br/>1998</i> | <i>Perubahan<br/>(%)</i> | <i>Jan-Julai<br/>1997</i> | <i>Jan-Julai<sup>1</sup><br/>1998</i> | <i>Perubahan<br/>(%)</i> |
| Perlis              | 848                    | 608                               | -28.3                    | 386                       | 229                                   | -40.7                    |
| Kedah               | 2,055                  | 2,944                             | 43.3                     | 2,469                     | 2,255                                 | -8.7                     |
| Pulau Pinang        | 764                    | 1,313                             | 71.9                     | 5,380                     | 13,907                                | 158.5                    |
| Perak               | 2,010                  | 2,222                             | 10.5                     | 3,542                     | 2,626                                 | -25.9                    |
| Selangor            | 1,317                  | 2,517                             | 91.1                     | 4,430                     | 4,886                                 | 10.3                     |
| Negeri Sembilan     | 1,333                  | 1,657                             | 24.3                     | 1,544                     | 1,142                                 | -26.0                    |
| Melaka              | 465                    | 675                               | 45.2                     | 208                       | 476                                   | 128.8                    |
| Johor               | 1,583                  | 2,338                             | 47.7                     | 3,480                     | 7,108                                 | 104.3                    |
| Pahang              | 2,141                  | 2,030                             | -5.2                     | 2,686                     | 2,214                                 | -17.6                    |
| Terengganu          | 1,981                  | 3,547                             | 79.1                     | 1,670                     | 2,218                                 | 32.8                     |
| Kelantan            | 1,691                  | 1,665                             | -1.5                     | 1,591                     | 1,362                                 | -14.4                    |
| Wilayah Persekutuan | 2,086                  | 6,104                             | 192.6                    | 1,926                     | 1,582                                 | -17.9                    |
| Sabah               | 3,616                  | 4,056                             | 12.2                     | 2,947                     | 2,569                                 | -12.8                    |
| Sarawak             | 1,431                  | 2,838                             | 98.3                     | 5,671                     | 3,628                                 | -36.0                    |
| Jumlah              | 23,321                 | 34,514                            | 48.0                     | 37,930                    | 46,202                                | 21.8                     |

*Sumber:* Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia

*Nota:* <sup>1</sup> Angka terkumpul pada akhir Julai 1998

kekosongan yang dilaporkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dari segi pecahan mengikut sektor, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel mencatatkan kekosongan kedua tertinggi dengan Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 28% bagi tempoh tujuh bulan pertama 1998 berbanding dengan 8.2% dalam tahun 1997. Walau bagaimanapun, kekosongan bagi kedua-dua sektor kewangan dan pembinaan sepanjang tempoh Januari hingga Julai 1998 telah merosot kepada 3.9% dan 2.6% masing-masing bagi tempoh yang sama 1997.

Bagi menangani masalah berhubung dengan produktiviti dan daya saing, Kerajaan akan terus memberi penekanan ke atas peningkatan kemahiran dalam tenaga kerja. Sehubungan ini, terdapat peningkatan dalam pendaftaran di institusi latihan di kedua-dua sektor awam dan swasta. Kemasukan di institusi latihan dalam tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 8% kepada 3,206 pelatih (1997: 2,962). Institusi-institusi ini dijangka akan mengeluarkan 1,992 pekerja terlatih, 33% lebih tinggi daripada bilangan yang dikeluarkan dalam tahun 1997. Pengambilan dalam institusi pengajian tinggi awam juga dijangka meningkat sebanyak 14% kepada 164,292 pelajar di mana 21% akan mengambil kursus di bidang sains dan teknikal. Lebih banyak institusi pengajian tinggi swasta ditubuhkan dalam tahun 1998, membolehkan 3% lebih pelajar diambil dalam tahun 1999 berbanding dengan 152,622 dalam tahun 1998. Pada tahun 2000, sejumlah 74,808 pelajar akan menamatkan pengajian mereka daripada kolej dan universiti swasta, 4% lebih tinggi daripada 71,662 graduan dalam tahun 1998. Ini merupakan tambahan kepada 37,493 pelajar yang dijangka tamat daripada institusi-institusi pengajian tinggi awam pada tahun yang sama.

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan akaun semasa, sebanyak 10 kolej swasta telah dibenarkan untuk menjalankan kursus ijazah luar negeri tertentu di dalam negara, suatu langkah yang membolehkan penjimatan sehingga RM50,000 setahun bagi yuran dan perbelanjaan hidup seorang pelajar di luar negara. Program tersebut yang dikenali sebagai "3+0" adalah bermaksud keseluruhan tempoh pengajian dijalankan di Malaysia berbanding program berkembar "2+1" atau "1+2" terdahulu, di mana pelajar-pelajar perlu menamatkan tahun terakhir atau dua tahun terakhir di universiti kembar seberang laut. Program ini juga membolehkan pelajar yang sedang mengikuti kursus di bawah

program berkembar di kolej-kolej terpilih untuk menamatkan pengajian akhir tahun mereka di dalam negara. Kursus-kursus yang diluluskan di bawah program ini termasuklah kajian perniagaan, kejuruteraan, bahasa, sains dan teknologi maklumat. Sebahagian daripada kursus di bawah program ini telah mendapat pengiktirafan daripada pihak berkuasa ternama seperti "Quality Assurance Agency" sebuah agensi British yang memberi penarafan dan pengiktirafan universiti di United Kingdom.

Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1993 untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta melatih pekerja mereka, telah mendaftarkan sejumlah 5,883 majikan, dan mengumpul levi berjumlah RM494 juta pada akhir 1997. Sumbangan kepada Tabung ini, walau bagaimanapun, telah dibekukan pada awal tahun ini memandangkan terdapat banyak syarikat yang terjejas oleh kemelut ekonomi. Sebelum pembekuan tersebut, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (HRDC), yang menguruskan HRDF, mengumpul sejumlah RM10 juta setiap bulan, hasil daripada sumbangan 1% daripada jumlah gaji bulanan bagi syarikat yang berdaftar dengan Majlis tersebut. Sebagai galakan, Kerajaan menyediakan bantuan sebanyak RM2 bagi setiap RM1 yang disumbangkan. Di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, majikan yang berdaftar namun tidak memberi sumbangan kepada Tabung, boleh dikenakan denda RM10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat dalam industri yang tidak menunjukkan peningkatan dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian akan terus dikecualikan daripada memberi sumbangan kepada Tabung. Bagi menggalakkan penggunaan dan keberkesanan Tabung serta menggiatkan latihan pekerja oleh majikan terutama dalam keadaan ekonomi semasa, HRDF pada 16 Julai 1998, bersetuju membenarkan 100% bayaran semula kepada majikan yang berdaftar dan yang melatih pekerja dalam negeri. Pada masa lepas, majikan hanya dibenarkan memohon bayaran semula dari Tabung di antara 75% hingga 80% daripada perbelanjaan latihan. Sebagai tambahan, Kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta untuk membantu syarikat membiayai latihan kakitangan mereka. Syarikat yang telah menggunakan sepenuhnya sumbangan mereka dalam HRDF adalah layak untuk mendapatkan kemudahan tanpa faedah ini. Sejumlah 482 syarikat adalah layak untuk berbuat demikian.

Dalam suasana aktiviti ekonomi dalam negeri yang lembap pada tahun 1998, pasaran buruh tempatan menjadi longgar. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) menunjukkan sejumlah 59,970 pekerja telah diberhentikan sehingga 5 September 1998. Seramai hampir 88.1% atau 52,834 daripada bilangan tersebut adalah pekerja tempatan dengan Pulau Pinang mencatatkan jumlah terbesar (22.2% atau 13,314 pekerja) diikuti oleh Selangor (21% atau 12,594 pekerja) dan Wilayah Persekutuan (12.9% atau 7,736 pekerja). Dari segi sektor, lebih daripada 50% atau 32,312 pekerja yang diberhentikan adalah daripada sektor pembuatan, 6,896 atau 11.5% daripada sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, 6,777 pekerja atau 11.3% daripada sektor pembinaan, 8.1% atau 4,857 pekerja daripada perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan dan 5.5% atau 3,298 pekerja daripada sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan. Sejumlah 2,859 majikan terlibat dalam pemberhentian pekerja ini.

Bagi menangani masalah pemberhentian pekerja, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah seperti mengenakan syarat mandatori kepada majikan supaya memaklumkan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat sebulan lebih awal daripada tarikh pemberhentian pekerja-pekerja. Sebagai tambahan, KSM telah menyediakan perkhidmatan gunatenaga kepada mereka yang diberhentikan kerja dengan menubuhkan jawatankuasa bertindak di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Fungsi jawatankuasa bertindak ini, antara lain termasuklah menubuhkan pusat elektronik pertukaran buruh di peringkat negeri dan daerah, meningkatkan pergerakan buruh melalui penyebaran maklumat kekosongan dan mengadakan dialog dan kumpulan-kumpulan kerja dengan majikan dan pertubuhan-pertubuhan pekerja serta persatuan untuk mengawasi pemberhentian dan kekosongan. Bagi kes pemberhentian, mekanisma untuk menjamin bayaran faedah juga diwujudkan. Bayaran minimum adalah mengikut peruntukan di bawah Akta Gunatenaga 1955<sup>1</sup>, iaitu bagi perkhidmatan kurang daripada 2 tahun, faedah

bersamaan gaji bagi 10 hari kerja, bagi perkhidmatan di antara 2 hingga 5 tahun, 15 hari kerja dan bagi perkhidmatan melebihi 5 tahun, 20 hari kerja.

Kerajaan menyedari bahawa meminimumkan kos adalah langkah yang wajar diambil dalam keadaan ekonomi lembap. Namun, majikan digalakkan supaya lebih bertimbang rasa terhadap pekerja-pekerja mereka. Majikan adalah juga digalakkan untuk menggunakan alternatif lain seperti latihan atau latihan semula, pemotongan gaji atau mengurangkan waktu kerja dan hanya memberhentikan pekerja sebagai langkah terakhir. Majikan yang merancang untuk melaksanakan potongan gaji dan pemberhentian sementara diwajibkan untuk memaklukkannya kepada Jabatan Tenaga Rakyat sekurang-kurangnya sebulan lebih awal. Mereka yang gagal berbuat demikian boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap kesalahan di bawah Akta Gunatenaga 1955 yang dipinda baru-baru ini dan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1998. Denda yang sama juga dikenakan kepada majikan yang gagal memberi sebulan notis bagi tujuan pemberhentian pekerja. Sementara itu, pada 1 Mei 1998, HRDF telah melancarkan Skim Latihan Semula Pekerja yang Diberhentikan dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Yuran latihan bagi pekerja yang layak di bawah skim ini akan dibiayai sepenuhnya oleh HRDF. Majlis ini juga telah mengadakan program aperantis khusus bagi lepasan sekolah. Lulusan sekolah dan mereka yang diberhentikan kerja boleh memohon program aperantis 18 bulan ini. Dengan peruntukan RM15 juta, HRDF akan membiayai yuran latihan sementara syarikat-syarikat penganjur akan membiayai semua pembayaran lain seperti tempat penginapan. Sehingga kini, dua skim aperantis telah ditubuhkan iaitu Skim Aperantis Industri Hotel yang menawarkan pekerja-pekerja bagi industri perkhidmatan dan Skim Aperantis Mekatronik yang menawarkan latihan dalam bidang-bidang elektronik, elektrik, kejuruteraan dan sebagainya. Skim ini melibatkan pelatih menjalankan latihan dalam pekerjaan dengan syarikat penganjur. Sehingga bulan Jun 1998, sejumlah 74 pekerja sedang menjalani latihan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang

<sup>1</sup> Akta ini meliputi pekerja peringkat buruh kasar tanpa mengira tingkat gaji dan bukan buruh kasar yang berpendapatan tidak lebih daripada RM1,500 sebulan.

bagi program aperantis mekatronik. Sementara itu, Kementerian Pembangunan Usahawan telah memperuntukkan RM10 juta bagi mewujudkan Skim Usahawan Siswazah. Matlamat Skim ini ialah untuk melatih siswazah menjadi usahawan dan dengan ini mengurangkan pengangguran di kalangan mereka.

Sebagai tambahan, beberapa Kerajaan negeri dan syarikat telah mengambil langkah tambahan untuk menangani isu pemberhentian kerja. Sebagai contoh, Pulau Pinang telah mewujudkan tabung latihan dengan peruntukan RM2 juta bagi menyediakan pinjaman latihan kepada pekerja kilang yang diberhentikan. Pinjaman ini membolehkan mereka membiayai latihan kemahiran yang sesuai untuk mendapat pekerjaan di tempat-tempat lain. Pada masa yang sama, sebuah syarikat tidak memberhentikan pekerjaanya walaupun syarikat tersebut sedang memberhentikan sementara operasi kilangnya. Pekerja-pekerja yang dikehendaki bekerja semasa penutupan sementara ini, diberi gaji penuh tetapi bekerja hanya 75% daripada waktu yang sepatutnya, manakala pekerja yang tidak bekerja dalam tempoh tersebut diberi 75% daripada gaji dengan tambahan elaun RM50. Pekerja yang dikehendaki bekerja semasa penutupan sementara, dibenarkan mencari pekerjaan sementara selepas masa kerja, manakala pekerja-pekerja yang tidak dikehendaki bekerja semasa penutupan kilang, dibenarkan mencari pekerjaan sementara dan akan diberi dua minggu notis sekiranya diperlukan mereka kembali bekerja. Mereka yang tidak dikehendaki bekerja juga layak untuk mendapat gaji semasa cuti umum dan cuti sakit. Selain daripada itu, mereka juga dijamin dua bulan bonus.

## Upah

Kelembapan aktiviti ekonomi yang ketara dan pemberhentian pekerja telah menyebabkan tekanan ke atas upah berkurangan. Kadar upah nominal dijangka meningkat lebih perlahan bagi hampir kesemua sektor ekonomi. Pada masa yang sama, upah di beberapa sektor perkhidmatan dijangka mengalami kemerosotan. Berasaskan kajian bulanan oleh Jabatan Perangkaan bagi

industri pembuatan yang merangkumi 900,000 pekerja, purata upah nominal setiap pekerja telah meningkat sebanyak 6.4% kepada RM1,280 bagi tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan 11.1% atau RM1,203 bagi tempoh yang sama tahun 1997.

Peningkatan upah yang lebih perlahan juga ditunjukkan oleh perjanjian upah bersama bagi tempoh tiga tahun yang dipersetujui dalam sektor swasta bagi tahun 1998. Peningkatan upah di bawah perjanjian tersebut, walau bagaimanapun, hanya dinikmati oleh 2% daripada jumlah keseluruhan pekerja dalam negara. Perjanjian upah yang telah dipersetujui dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini menunjukkan kadar upah di kedua-dua sektor tersebut meningkat lebih perlahan iaitu 8.4% dan 12.2% berbanding dengan 15% dan 13% dalam tahun 1997. Sektor elektrik juga menunjukkan peningkatan lebih perlahan di mana purata upah meningkat pada kadar 10% berbanding dengan 18.0% dalam 1997.

Bilangan kes pertikaian perusahaan telah meningkat sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 1998. Terdapat tujuh mogok melibatkan 933 pekerja berbanding dengan 4 kes melibatkan 746 pekerja dalam tempoh yang sama tahun 1997. Sejumlah 1,479 hari bekerja telah hilang akibat daripada mogok tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah lebih kecil daripada 2,198 hari bekerja yang hilang dalam tempoh yang sama tahun lepas. Daripada jumlah tersebut, dua kes adalah daripada sektor pertanian, dua dalam pengangkutan, satu perlombongan dan dua dalam sektor pembuatan. Pertikaian terutamanya berpunca daripada perselisihan pendapat mengenai terma dan syarat pekerjaan, seperti kes-kes pemberhentian kerja, tidak menjalankan terma-terma yang telah dipersetujui dalam perjanjian bersama dan kontrak perkhidmatan yang lain.

## Pekerja Asing

Dasar bagi pekerja asing masih ketat dengan pelaksanaan beberapa langkah tambahan. Kerajaan, antara lain telah mengenakan struktur levi baru kepada pekerja asing. Bayaran levi telah dinaikkan kepada RM360 daripada RM300 bagi pembantu rumah dan pekerja ladang. Bagi pekerja di sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan,

**Jadual 7.6**

**Malaysia: Perjanjian Mengenai Upah Sektor Swasta**

|               | <i>Bilangan Perjanjian</i> |                   | <i>Bilangan Pekerja Terlibat</i> |                   | <i>Peningkatan Upah Purata (%)</i> |                   |
|---------------|----------------------------|-------------------|----------------------------------|-------------------|------------------------------------|-------------------|
|               | 1997                       | 1998 <sup>1</sup> | 1997                             | 1998 <sup>1</sup> | 1997                               | 1998 <sup>1</sup> |
| Pembuatan     | 241                        | 88                | 64,485                           | 23,070            | 15.0                               | 8.4               |
| Komersial     | 62                         | 15                | 6,836                            | 3,879             | n.a                                | 9.3               |
| Pengangkutan  | 31                         | 23                | 7,708                            | 37,676            | 11.0                               | 8.7               |
| Perkhidmatan  | 44                         | 49                | 11,973                           | 49,924            | 13.0                               | 12.2              |
| Pertanian     | 18                         | 6                 | 35,982                           | 5,844             | 18.0                               | 12.1              |
| Perlombongan  | 7                          | —                 | 364                              | —                 | 8.0                                | —                 |
| Elektrik      | 2                          | 1                 | 2,307                            | 152               | 18.0                               | 10                |
| Pembinaan     | —                          | —                 | —                                | —                 | —                                  | —                 |
| Lain-lain     | 7                          | —                 | 1,484                            | —                 | 9.0                                | —                 |
| <b>JUMLAH</b> | <b>412</b>                 | <b>182</b>        | <b>131,139</b>                   | <b>120,545</b>    | <b>13.1</b>                        | <b>—</b>          |

<sup>1</sup> Januari-Julai

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

bayaran levi ditetapkan pada kadar RM1,500. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak memberi bayaran semula bagi pekerja-pekerja yang ditamatkan perkhidmatan mereka secara lebih awal. Adalah dijangkakan tidak ada pekerja baru dibawa masuk ke dalam negeri. Pada masa yang sama, pekerja asing di sektor-sektor yang mengalami lebih pekerja, akan dihantar pulang atau diserapkan ke sektor lain yang mengalami kekurangan pekerja. Sehingga Ogos 1998, sejumlah 95,700 pekerja asing telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Sepanjang tahun 1997, terdapat seramai 493,200 pekerja asing berdaftar di negara ini.

Daripada jumlah tersebut, pekerja dari Indonesia merupakan 50% atau 247,480 orang diikuti oleh pekerja dari Bangladesh (197,894). Kebanyakan mereka bekerja di sektor pembuatan yang berjumlah 41% atau 206,437 pekerja, diikuti oleh sektor pembinaan (104,296 pekerja). Sehingga 15 Julai 1998, seramai 93,572 pekerja asing telah mendaftar dengan kategori pembantu rumah mencatat bilangan tertinggi (33,074), diikuti oleh pekerja pembuatan (23,230) dan pekerja perladangan (17,020). Pekerja Indonesia dan Bangladesh masih merupakan kumpulan terbesar berjumlah 64,842 dan 24,099 orang. Bagi tahun 1998, dijangkakan pekerja asing di negara ini semakin kurang. Sehingga 5 Oktober 1998, bilangannya merosot sebanyak 24.2% berbanding

dengan 493,200 pekerja dalam tahun 1997, berikutan daripada dasar Kerajaan yang ketat ke atas pengambilan pekerja asing.

Penghantaran wang oleh pekerja asing telah meningkat daripada RM4.1 bilion dalam tahun 1994 kepada RM6.0 bilion dalam 1997 yang memburukkan lagi kedudukan imbalan pembayaran. Sebagai langkah untuk membendung pengaliran wang keluar, setiap pekerja asing diwajibkan untuk mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sebagai penyumbang KWSP, mereka mendapat faedah sama seperti

yang dinikmati oleh rakyat Malaysia. Pekerja asing yang meninggalkan Malaysia secara tetap, dibenarkan untuk mengeluarkan keseluruhan caruman mereka. Walau bagaimanapun, pembantu rumah asing tidak diwajibkan mencarum tetapi mereka dibenarkan memilih untuk berbuat demikian dengan persetujuan majikan. Sehingga September 1998, pembekuan ke atas pengambilan pekerja asing baru daripada negara asal mereka masih berkuatkuasa. Kerajaan, walau bagaimanapun, akan membenarkan pengambilan pekerja asing secara tertentu terutama sektor perladangan dan pembuatan.